2017

SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

147 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

149 *Rencana: Penilaian Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan*

156 Trend Pembayaran

158 Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran yang Cekap dan Berkesan

163 Meningkatkan Kerjasama Serantau dalam Perkhidmatan Pembayaran Merentas Sempadan

Pada tahun 2012, sistem pembayaran dan penyelesaian beroperasi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar dan terus menyokong pertumbuhan sistem kewangan dan ekonomi. Meskipun memelihara kestabilan dalam sistem pembayaran kekal menjadi tumpuan utama, Bank Negara Malaysia (Bank) juga terus memperuntukkan sumber ke arah pengukuhan infrastruktur pembayaran dan penyelesaian serta meningkatkan kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan pembayaran. Sepanjang setahun yang lalu, keutamaan Bank dijuruskan kepada memastikan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) terus beroperasi dengan tahap pematuhan yang tinggi terhadap piawaian antarabangsa, selain terus meningkatkan amalan industri dalam bidang pengurusan risiko dan krisis serta piawaian perniagaan, di samping mengukuhkan piawaian keselamatan instrumen pembayaran secara berterusan. Untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pembayaran, langkah-langkah telah diambil untuk menggalakkan persaingan sebagai satu cara menggalakkan penggunaan kaedah pembayaran elektronik (e-pembayaran) dengan lebih meluas, memperluas akses kepada pelbagai produk dan perkhidmatan pembayaran dalam pasaran serta mempercepat proses penjelasan dan penyelesaian pembayaran dalam pembayaran runcit dan borong.

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Tanggungjawab dan kuasa Bank bagi mengawasi sistem pembayaran diperuntukkan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA) dan Akta Sistem Pembayaran 2003 (Payment Systems Act 2003, PSA). Dengan penggubalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA), kuasa pengawasan Bank berhubung dengan sistem pembayaran telah dirasionalkan dan digabungkan di bawah FSA untuk menyediakan rangka kerja perundangan yang menyeluruh bagi fungsi kestabilan kewangan Bank.

Pengawalan Sistem Pembayaran di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013

FSA mengandungi peruntukan yang lebih kukuh untuk mengawal selia pengendali sistem pembayaran yang menimbulkan risiko paling ketara kepada sistem pembayaran dan orang ramai. Pengendali sistem yang membolehkan pemindahan dana daripada satu akaun perbankan kepada akaun perbankan yang lain, seperti GIRO Antara Bank (Interbank GIRO, IBG), Rangkaian Perkongsian ATM dan Bursa Pemprosesan Kewangan (Financial Process Exchange, FPX) serta rangkaian instrumen pembayaran seperti Visa dan MasterCard, memerlukan kelulusan Bank untuk mengendalikan sistem atau rangkaian tersebut. Selain itu, pengendali yang ingin menawarkan perkhidmatan pemerolehan saudagar (merchant acquiring services) perlu mendaftar dengan Bank. Keperluan baharu ini akan menggantikan rejim pemberitahuan sedia ada di bawah PSA dan memperuntukkan kuasa yang lebih besar kepada Bank untuk menyediakan pengawasan berkesan terhadap sistem pembayaran utama di Malaysia.

Bagi pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan seperti kad kredit, kad caj dan wang elektronik, pendekatan pengawalseliaan tidak banyak berubah di bawah FSA. Di samping itu, kad debit juga akan ditetapkan dan diletakkan di bawah pengawasan pengawalseliaan yang lebih teguh, mencerminkan penggunaannya yang lebih meluas oleh orang ramai sebagai suatu kaedah pembayaran.

FSA memberi kuasa kepada Bank untuk menentukan piawaian bagi meningkatkan keselamatan, integriti, kecekapan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran dan instrumen pembayaran yang ditetapkan, selain mengeluarkan arahan untuk menggalakkan kecekapan. FSA juga menyediakan rangkaian


instrumen penyeliaan dan penguatkuasaan yang lebih luas untuk menyokong Bank dalam melaksanakan fungsi pengawasannya. Ini termasuk kuasa campur tangan lebih luas untuk menangani risiko terhadap kestabilan sistem pembayaran penting, yang membolehkan Bank mengeluarkan arahan pematuhan, menamatkan perkhidmatan pengarah, ketua pegawai eksekutif atau pegawai kanan yang tidak lagi memenuhi keperluan layak dan sesuai atau yang menyumbang kepada pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau arahan pematuhan yang dikeluarkan oleh Bank, serta kuasa untuk melantik penerima dan pengurus.

Pengawasan terhadap RENTAS

RENTAS memudahkan pemindahan dan penyelesaian pembayaran bernilai tinggi antara Bank dan urus niaga sekuriti di Malaysia. Pada tahun 2012, nilai urus niaga yang diselesaikan melalui RENTAS mencakupi 49.2 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK), dengan nilai purata RM188 bilion diselesaikan melalui sistem ini setiap hari (Rajah 5.1). Jumlah nilai urus niaga pasaran wang, yang merangkumi sebahagian besar urus niaga yang dijalankan melalui RENTAS, menjadi sederhana pada tahun 2012 kerana pendekatan Bank untuk mengurus mudah tunai yang berlebihan dalam sistem perbankan telah beralih daripada peminjaman langsung kepada terbitan Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes). Walau bagaimanapun, jumlah urus niaga yang dijelaskan melalui RENTAS terus meningkat, didorong oleh pembayaran pihak ketiga yang lebih tinggi oleh orang perseorangan dan syarikat ekoran penggunaan e-pembayaran yang kian berkembang (Rajah 5.2). Mudah tunai sistem kewangan yang lebih daripada mencukupi pada tahun 2012 membolehkan peserta RENTAS menyelesaikan obligasi sebelum masa tamat sistem. Secara purata, 52% daripada jumlah nilai penyelesaian diselesaikan menjelang tengah hari dan 71% sebelum pukul 3 petang setiap hari, sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

Rajah 5.1

RENTAS: Purata Harian Mengikut Nilai dan Bilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi memastikan RENTAS terus memenuhi piawaian antarabangsa yang tinggi, beberapa penambahbaikan terhadap operasi dan sistem serta langkah pengurangan risiko telah dilaksanakan pada tahun 2012. Pada bulan Mac 2012, Kemudahan Penyelesaian Pengoptimuman Mudah Tunai (Liquidity Optimiser Settlement Facility, LOSF) telah diperkenalkan dalam RENTAS sebagai instrumen tambahan untuk mengurus mudah tunai. Dengan adanya LOSF, peserta boleh menyelesaikan urus niaga pada nilai bersih, setiap 15 minit untuk mengurangkan kos mudah tunai. Walau bagaimanapun, memandangkan mudah tunai dalam sistem adalah lebih daripada mencukupi, LOSF tidak digunakan secara meluas oleh peserta. Garis panduan mengenai kemudahan kredit intrahari Bank yang merupakan kemudahan kredit tanpa faedah bercagar yang disediakan kepada peserta yang layak untuk mengelakkan kebuntuan pembayaran (gridlock) dan memastikan kelancaran operasi sistem, telah juga disemak pada bulan Jun 2012, untuk memudahkan pengurusan risiko kredit Bank yang lebih baik dengan hanya menawarkan sekuriti berkualiti tinggi sahaja, termasuk sekuriti Kerajaan Malaysia, sekuriti yang diterbitkan oleh Bank dan sekuriti hutang swasta bertaraf AAA, diterima sebagai cagaran. Peraturan dan prosedur RENTAS juga telah dipertingkat untuk mentakrif dengan lebih jelas titik muktamad penyelesaian untuk penyelesaian sekuriti agar dapat memberikan lebih kepastian kepada peserta RENTAS. Peraturan yang ditambah baik ini turut menyediakan prosedur terperinci bagi mengendalikan peserta yang mungkir dan situasi luar biasa lain untuk menyokong tindakan yang tepat pada masanya agar dapat membendung kerugian dan tekanan mudah tunai selain memastikan obligasi peserta RENTAS dapat terus dipenuhi.

Penilaian Pematuhan Malaysia Terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan

Infrastruktur pasaran kewangan merujuk kepada sistem pembayaran dan penyelesaian yang digunakan untuk menyelesaikan semua urus niaga pasaran kewangan. Pada bulan April 2012, Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (Committee on Payment and Settlement Systems, CPSS) Bank for International Settlements (BIS) dan Jawatankuasa Teknikal Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (Technical Committee of the International Organization of Securities Commissions, IOSCO) mengeluarkan Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan (Principles for Financial Market Infrastructures, PFMI). PFMI menggantikan piawaian terdahulu yang dikeluarkan oleh BIS dan IOSCO, iaitu Prinsip Teras bagi Sistem Pembayaran yang Penting dari segi Sistemik, Saranan bagi Sistem Penyelesaian Sekuriti dan Saranan bagi Rakan Niaga Pusat. Piawaian tunggal ini menyeragamkan dan meningkatkan piawaian antarabangsa sedia ada bagi sistem pembayaran yang penting dari segi sistemik, depositori sekuriti pusat, sistem penyelesaian sekuriti dan rakan niaga pusat untuk memastikan pengurusan risiko adalah berkesan dengan mengambil iktibar daripada krisis kewangan global baru-baru ini. Sebagai sebahagian daripada Program Penilaian Sektor Kewangan yang dijalankan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF) dan Bank Dunia pada tahun 2012, Malaysia adalah antara negara pertama yang dinilai berdasarkan pematuhan terhadap PFMI baharu.

Rencana ini membentangkan ringkasan penilaian dan pemerhatian penting IMF berhubung pematuhan Malaysia terhadap PFMI. Penilaian terperinci IMF akan dipaparkan secara berasingan di laman sesawangnya.

Malaysia didapati telah 'mematuhi' kesemua 19 Prinsip yang terpakai bagi Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System, RENTAS) dan pengendalinya, Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) (Jadual 1). Selain itu, terdapat lima saranan yang digariskan buat pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap pengawasan infrastruktur pasaran kewangan. Antaranya, Bank dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab terhadap infrastruktur pasaran kewangan yang dikendalikan oleh Bursa Malaysia Berhad) didapati telah 'mematuhi' atau 'mematuhi secara umum' kesemua lima tanggungjawab dalam penilaian secara bersama.

Pemerhatian utama daripada penilaian IMF ialah:

- **Aktiviti RENTAS disokong oleh asas perundangan teguh yang memberikan kepastian kepada kebolehkuatkuasaan hak dan obligasi pengendali RENTAS dengan kesan yang jelas dan boleh diramal.** Akta Bank Negara Malaysia 2009 memberi mandat kepada Bank untuk memiliki dan mengendalikan sistem pembayaran dan penyelesaian, sementara Akta Sistem Pembayaran (Payment Systems Act 2003, PSA) memberi Bank kuasa pengawasan dan mengiktiraf Bank sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menggalakkan operasi sistem pembayaran dan penyelesaian kebangsaan yang diyakini, cekap dan lancar. Sementara itu, Akta Kontrak 1950 mengawal perjanjian penyertaan yang mengikat peserta kepada peraturan dan prosedur operasi RENTAS. Memandangkan RENTAS ialah sistem pembayaran yang ditetapkan di bawah PSA, MyClear dikehendaki mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Kehendak dan Keperluan Pengawalseliaan Terhadap Sistem Pembayaran Ditetapkan yang dikeluarkan oleh Bank, termasuk keperluan bagi MyClear memastikan operasi sistem yang diyakini, cekap dan lancar.

- **Amalan pengurusan risiko kredit dan mudah tunai sedia ada, termasuk dasar dan prosedur untuk mengendalikan kemungkiran peserta, memberi keyakinan yang tinggi bahawa RENTAS berupaya untuk terus beroperasi dan memenuhi obligasi penyelesaian.** Peraturan dan prosedur dalam mengurus kegagalan atau ketakmampuan membayar oleh peserta telah ditakrif dengan jelas dalam Peraturan Penyertaan dan Operasi Perkhidmatan Pembayaran dan Sekuriti. Ini memudahkan tindakan yang tepat pada masanya

Jadual 1

Tahap Pematuhan Terhadap Prinsip bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan dan Tanggungjawab Bank Pusat, Pengawal Selia Pasaran dan Pihak Berkuasa Berkenaan Lain bagi Infrastruktur Pasaran Kewangan

Prinsip untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan	Tahap Pematuhan
1. Asas perundangan	O
2. Tadbir urus	O
3. Rangka kerja pengurusan risiko menyeluruh	O
4. Risiko kredit	O
5. Cagaran	O
6. Keuntungan	NA
7. Risiko mudah tunai	O
8. Penyelesaian muktamad	O
9. Penyelesaian wang	O
10. Penghantaran fizikal	NA
11. Depositori sekuriti pusat	O
12. Sistem penyelesaian pertukaran nilai	O
13. Peraturan dan prosedur kemungkiran peserta	O
14. Pengasingan dan kemudahalihan	NA
15. Risiko perniagaan am	O
16. Risiko kustodi dan pelaburan	O
17. Risiko operasi	O
18. Keperluan akses dan penyertaan	O
19. Pengaturan penyertaan bertingkat	NA
20. Pautan IPK	O
21. Kecekapan dan keberkesanan	O
22. Prosedur dan piawaian komunikasi	O
23. Peraturan penzahiran, prosedur penting dan data pasaran	O
24. Penzahiran data pasaran oleh repositori perdagangan	NA
Tanggungjawab Bank Pusat, Pengawal Selia Pasaran dan Pihak Berkuasa Berkenaan Lain untuk Infrastruktur Pasaran Kewangan (IPK)	**Tahap Pematuhan**
A. Pengawalan, penyeliaan dan pengawasan IPK	O
B. Kuasa dan sumber pengawalan, penyeliaan dan pengawasan	O
C. Penzahiran dasar berhubung dengan IPK	BO
D. Penerapan prinsip bagi IPK	O
E. Kerjasama dengan pihak berkuasa lain	BO

- **Mematuhi (Observed, O)** – Sebarang kekurangan dan kelemahan yang dikenal pasti bukanlah isu yang membimbangkan dan adalah kecil, boleh diurus, dan dalam bentuk yang boleh dikendalikan dalam urusan biasa.
- **Mematuhi secara umum (Broadly Observed, BO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu yang membimbangkan yang perlu ditangani dan diambil langkah susulan dalam masa yang ditetapkan.
- **Mematuhi sebahagiannya (Partly Observed, PO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu yang membimbangkan yang mungkin menjadi serius jika tidak ditangani dengan segera. Keutamaan tinggi hendaklah diberikan untuk menangani isu ini.
- **Tidak mematuhi (Not Observed, NO)** – Penilaian telah mengenal pasti satu atau lebih isu serius yang membimbangkan yang memerlukan tindakan serta-merta. Keutamaan tertinggi hendaklah diberikan untuk menangani isu ini.
- **Tidak berkenaan (Not Applicable, NA)** – Tidak berkenaan disebabkan ciri khusus perundangan, institusi, struktur atau ciri lain bagi infrastruktur pasaran kewangan.

untuk diambil oleh MyClear dan peserta untuk mengurangkan kemungkinan kerugian dan risiko penularan. RENTAS direka bentuk hanya untuk membenarkan penyelesaian urus niaga sekiranya dana atau sekuriti yang diperlukan tersedia dalam akaun masing-masing. Kemudahan Penyelesaian Pengoptimuman Mudah Tunai dan kemudahan kredit intrahari yang disediakan Bank menggalakkan pengurusan mudah tunai yang cekap oleh peserta.

- **Peraturan dan prosedur yang jelas dan menyeluruh disediakan untuk memuktamadkan penyelesaian dan mengurangkan risiko penyelesaian.** PSA memperuntukkan semua dana dan sekuriti yang diselesaikan dalam sistem pembayaran yang ditetapkan sebagai muktamad dan tidak boleh dimansuhkan, sementara prosedur operasi yang dikeluarkan oleh MyClear jelas mentakrifkan waktu sebenar bagi penyelesaian yang dianggap sebagai muktamad. Semua urus niaga ringgit dalam RENTAS diselesaikan dalam penyata kewangan Bank manakala urus niaga mata wang asing diselesaikan dalam penyata kewangan bank perdagangan. Penyelesaian mata wang asing ini dijalankan melalui pengaturan *Payment versus Payment* (PvP) yang diselia bersama-sama dengan pihak berkuasa pengawalseliaan asing atau melalui institusi perbankan dilantik yang dikawal selia oleh Bank.

- **Peraturan, prosedur dan kawalan yang sewajarnya disediakan untuk memastikan integriti urus niaga sekuriti dan mengurangkan risiko prinsipal sistem penyelesaian pertukaran nilai.** Sebagai depositori sekuriti pusat untuk sekuriti hutang awam dan swasta, MyClear memastikan hak penerbit dan pemegang sekuriti dilindungi secukupnya. Perlindungan ini meliputi pencegahan pembentukan atau penghapusan sekuriti tanpa kebenaran dan penyelarasan harian bagi sekuriti yang dikeluarkan. RENTAS menerima pakai proses PvP dan *Delivery versus Payment* (DvP) untuk penyelesaian pertukaran nilai apabila kedua-dua penyelesaian sekuriti dan mata wang asing dijalankan dengan mendebitkan dan mengkreditkan akaun masing-masing secara serentak, tertakluk kepada baki yang mencukupi untuk menjalankan urus niaga tersebut. Proses memuktamadkan disegerakan untuk kedua-dua bahagian urus niaga, lantas menghapuskan risiko prinsipal.

- **Kawalan yang berkesan disediakan untuk pengurusan risiko perniagaan am dan operasi.** Sebagai pengendali RENTAS, MyClear dikehendaki menyediakan kawalan untuk memantau dan mengurus prestasi kewangan serta kedudukan mudah tunainya secara berkesan untuk menangani sebarang risiko perniagaan. Infrastruktur sistem telah ditambah baik pada tahun 2011 untuk menyokong pengembangan perkhidmatan RENTAS pada masa hadapan. Sejak pelaksanaannya pada tahun 1999, RENTAS telah secara konsisten mencapai sekurang-kurangnya 99.9% paras ketersediaan sistem. Ujian tekanan ke atas keupayaan pemprosesan RENTAS dijalankan secara berkala untuk memastikan tiada sebarang kemerosotan dalam prestasi dengan bertambahnya jumlah urus niaga. Perancangan kesinambungan perniagaan untuk RENTAS adalah menyeluruh dengan dilengkapi oleh tiga tahap kemudahan sokongan selain ujian pelan kontingensi yang ketat dan kerap.

- **Operasi RENTAS adalah berpandukan dasar yang memastikan akses yang adil dan terbuka, kecekapan dan keberkesanan dalam memenuhi keperluan peserta dan pasaran yang menggunakannya, di samping ketelusan untuk memaklumkan keputusan yang bijak dan memupuk keyakinan.** Melalui amalan menyediakan akses yang adil dan terbuka, kriteria akses kepada RENTAS dan prosedur keluar yang teratur dinyatakan dengan jelas dalam Peraturan dan Prosedur Operasi yang dipaparkan di laman sesawang MyClear. RENTAS direka bentuk dan dikendalikan mengikut amalan terbaik dan piawaian antarabangsa. Perkhidmatan yang disediakan oleh RENTAS ditambah baik secara berterusan sejajar dengan perkembangan antarabangsa dan sebagai memenuhi keperluan peserta, pasaran kewangan dan ekonomi yang sentiasa berubah. Ini termasuk pengenalan perkhidmatan penyelesaian renminbi baru-baru ini dan jalinan hubungan dengan Depositori Sekuriti Pusat Antarabangsa (International Central Securities Depository, ICSD), Euroclear. Melangkah ke hadapan, RENTAS akan dipertingkat untuk menerima pakai piawaian mesej

Persatuan Telekomunikasi Antara Bank Sedunia (Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication, SWIFT) bagi meningkatkan kecekapan operasi untuk pesertanya dan sistem tersebut secara keseluruhan. Inisiatif ini dijangka disempurnakan pada tahun 2014. Mesyuarat rasmi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan akan diadakan sebelum perubahan kepada peraturan sistem dilaksanakan. Maklumat semasa mengenai reka bentuk dan operasi RENTAS boleh didapati di laman sesawang MyClear.


Saranan Utama

Penilaian pematuhan telah membuat beberapa saranan untuk terus meningkatkan amalan pengurusan risiko MyClear. Ini akan memastikan RENTAS terus mencapai tahap pematuhan yang tinggi terhadap PFMI seiring dengan pembangunan pasaran kewangan. Saranan juga merangkumi cadangan untuk menambah baik penzahiran tentang dasar dan juga kerjasama dengan pihak berkuasa dalam menggalakkan keselamatan dan kecekapan infrastruktur pasaran kewangan.

Melangkah ke hadapan, rangka kerja pengawalseliaan yang mengawal operasi RENTAS akan diperkukuh di bawah FSA untuk memberi perlindungan eksplisit kepada cagaran yang disediakan oleh peserta untuk kemudahan kredit intrahari dan pengaturan pembelian semula. MyClear telah menyatakan komitmennya dalam usaha mempertingkat kekukuhan sistem pengurusan risikonya, termasuk memastikan kebolehalihan sekuriti pelanggan susulan penggabungan atau pengambilalihan, selain menangani risiko yang berkaitan dengan Euroclear apabila urus niaga meningkat pada masa akan datang. Untuk terus mengukuhkan prosedur pengurusan kemungkiran, ujian berkala yang melibatkan pesertanya sedang dirancang oleh MyClear. Rangka kerja penzahiran juga akan dipertingkat untuk memperdalam pemahaman dan pengurusan tentang risiko oleh peserta. Selain itu, usaha akan diteruskan untuk mengukuhkan kerjasama yang sedia ada dan pengaturan pertukaran maklumat antara Bank dengan penyelia dan pihak berkuasa lain termasuk Suruhanjaya Sekuriti.

Rajah 5.2


RENTAS: Bahagian daripada Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.3

Kekerapan dan Jenis Ujian Pemulihan Bencana untuk RENTAS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sebagai langkah tambahan untuk penambahbaikan pengurusan risiko operasi, RENTAS Mini, iaitu kemudahan sokongan tahap ketiga, telah disediakan sejak bulan Julai 2012 untuk memudahkan penyelesaian pembayaran kritikal sekiranya kedua-dua pusat pengeluaran utama dan pusat pemulihan bencana (disaster recovery, DR) tidak dapat beroperasi secara serentak. Pusat DR diuji secara kerap dengan melibatkan ujian secara langsung setiap bulan, latihan kontingensi tahunan terhadap pautan *Payment vs Payment* (PvP) RENTAS-USD *Clearing House Automated Transfer System* (CHATS) dan ujian DR untuk urus niaga Euroclear (Rajah 5.3). Objektif masa pemulihan (recovery time objective, RTO) bagi RENTAS ialah satu jam, sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Pengawasan pembayaran runcit

Dengan didorong oleh kemajuan dan inovasi teknologi, kepelbagaian dan jangkauan perkhidmatan pembayaran terus berkembang dengan kemasukan peserta baharu, seperti portal Internet, syarikat telekomunikasi, syarikat dalam talian dan rangkaian sosial ke dalam pasaran pembayaran runcit. Pembangunan pesat dalam teknologi mudah alih turut menjadikan bil mudah alih sebagai kaedah pembayaran yang kian popular dalam ruang Internet. Bil mudah alih, yang melibatkan penggunaan kredit panggilan mudah alih prabayar untuk membuat pembayaran, kini digunakan bukan hanya untuk membeli perkhidmatan mudah alih yang ditawarkan oleh syarikat telekomunikasi, malah untuk membuat pembayaran bagi produk digital atau maya seperti nada dering dan permainan dalam talian yang ditawarkan oleh rangkaian laman sosial atau peniaga dalam talian di seluruh dunia. Buat sementara waktu, Bank membenarkan syarikat telekomunikasi untuk menawarkan kredit panggilan mudah alih untuk digunakan sebagai kaedah pembayaran untuk produk dan

perkhidmatan terhad, sementara Bank menilai pola penggunaannya dan risiko yang berkaitan dengannya untuk dijadikan asas dalam perumusan rangka kerja pengawalseliaan yang sesuai untuk perkhidmatan pembayaran sedemikian.
Bank akan terus menyokong pembangunan perkhidmatan pembayaran baharu dan inovatif, yang menyediakan lebih banyak pilihan dan memudahkan pengguna, di samping berusaha memastikan keselamatan perkhidmatan sebegini adalah mencukupi untuk melindungi pengguna.

Bank akan terus menyokong pembangunan perkhidmatan pembayaran baharu dan inovatif, yang menyediakan lebih banyak pilihan dan memudahkan pengguna, di samping berusaha memastikan keselamatan perkhidmatan sebegini adalah mencukupi untuk melindungi pengguna

Dengan perubahan pesat landskap pembayaran, Bank terus mempergiat usaha pengawasan dan penyeliaannya untuk meningkatkan keselamatan dan perlindungan sistem dan instrumen pembayaran serta meningkatkan tahap pematuhan terhadap piawaian kehematan dan amalan perniagaan oleh pengendali dan pengeluar. Proses kelulusan untuk peserta baharu dan produk baharu telah diperketat untuk mencerminkan kehendak pematuhan berterusan yang lebih tinggi oleh Bank terhadap keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dan untuk menggalakkan kepelbagaian yang lebih luas dalam rangkaian produk berkualiti yang disediakan buat pengguna dan sektor perniagaan. Pada tahun 2012, Bank telah meluluskan tiga peserta baharu dalam pasaran pembayaran runcit dan 16 permohonan oleh pengeluar sedia ada untuk melancarkan produk atau variasi baharu. Ini telah membawa kepada pengenalan kaedah pembayaran baharu dan inovatif, infrastruktur yang cekap dari segi kos yang ditambah baik untuk peniaga menerima e-pembayaran, dan menyediakan lebih banyak manfaat kepada pengguna melalui pemberian ganjaran dan diskaun. Pada tahun 2012, Bank juga telah menarik balik kelulusan yang diberikan kepada dua pengeluar wang elektronik kerana gagal mematuhi keperluan pengawalseliaan.

Fokus utama aktiviti pengawasan Bank ialah tahap daya tahan operasi dan perancangan kontingensi yang mencukupi untuk memastikan sistem pembayaran runcit utama sentiasa tersedia tanpa gangguan. Pada tahun 2012, operasi Sistem Penjelasan Informasi Cek Kebangsaan Secara Elektronik (National Electronic Cheque Information Clearing System, eSPICK) telah terjejas oleh beberapa gangguan teknikal. Gangguan ini tidak memberi kesan ketara kepada industri dan orang ramai memandangkan sistem ini berupaya mengekalkan tahap ketersediaan operasi yang tinggi lantas membolehkan penjelasan cek terus dijalankan dengan lancar. Bank dan Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) sedang menjalankan kajian semula yang menyeluruh terhadap infrastruktur, kapasiti, kelewahan dan proses pengurusan insiden eSPICK bertujuan untuk menyelesaikan sebarang kekangan sistem yang dikenal pasti dan merumuskan penyelesaian untuk meningkatkan daya tahan sistem secara keseluruhan. Sistem pembayaran runcit utama yang lain, iaitu sistem IBG, FPX, Debit Langsung dan e-Debit, yang dikendalikan oleh MyClear dan Rangkaian Perkongsian ATM yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System Sdn. Bhd. (MEPS), terus berfungsi dengan lancar tanpa sebarang gangguan besar.


Walaupun kad pembayaran terus digunakan secara meluas untuk pembelian runcit dan pengangkutan (minyak dan tol lebuh raya), bilangan peniaga e-dagang yang semakin bertambah dan popularity peranti Internet mudah alih yang kian meningkat telah menjana pertumbuhan pesat dalam urus niaga pembayaran melalui Internet. Untuk mengukuhkan perlindungan terhadap penipuan (disebabkan kehadiran pembeli dan kad tidak diperlukan secara fizikal semasa membuat pembelian), keperluan bagi pemberitahuan urus niaga dan kaedah pengesahan yang lebih mantap untuk urus niaga dalam talian telah dilaksanakan, masing-masing berkuat kuasa pada 1 Januari dan 1 April 2012. Pemberitahuan urus niaga dihantar kepada pemegang kad melalui khidmat

pesanan ringkas (short message service, SMS) sebaik sahaja urus niaga yang dibuat melebihi nilai ambang yang ditetapkan oleh pengeluar kad, sekali gus memberi peluang kepada pemegang kad untuk memaklumkan kepada pengeluar kad dengan segera mengenai kemungkinan urus niaga berkenaan melibatkan penipuan. Penggunaan kaedah pengesahan yang lebih mantap juga meningkatkan keselamatan urus niaga dalam talian dengan menghendaki pemegang kad memasukkan kata laluan satu kali untuk mengesahkan setiap urusan pembayaran. Urus niaga yang dijalankan tanpa kata laluan tersebut boleh dibatalkan lantas melindungi pemegang kad daripada penipuan urus niaga dalam talian. Keperluan ini yang kini dikenakan terhadap kad kredit akan diperluas untuk memberikan tahap keselamatan yang sama bagi urus niaga menggunakan kad debit dan kad caj serta skim wang elektronik yang besar.

Penipuan pembayaran masih lagi kecil dan trendnya juga semakin menurun, dengan kejadian penipuan mencakupi kurang daripada 0.005% daripada jumlah bilangan dan jumlah nilai urus niaga pembayaran runcit pada tahun 2012 (Rajah 5.4). Pada amnya, tahap penipuan kad di Malaysia nyata masih lebih rendah berbanding pengalaman penipuan yang dilaporkan di negara lain termasuk di negara maju. Penipuan kad kredit masih menjadi bentuk penipuan pembayaran yang paling lazim, dengan kerugian purata sebanyak 0.03%, iaitu kerugian sebanyak 30 sen bagi setiap urus niaga bernilai RM1,000 (Rajah 5.5). Tahap penipuan menurun dengan ketara sejak pengenalan kad berasaskan cip yang lebih selamat pada tahun 2004 bagi kad ATM dan 2005 bagi

Rajah 5.4

Penipuan, % daripada Jumlah Urus Niaga




Nota: Terdiri daripada cek, kad kredit, kad debit, kad caj dan wang elektronik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.5


Kerugian Penipuan mengikut Jenis Instrumen



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.6

Kad Kredit: Kerugian Penipuan, % daripada Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

kad kredit untuk menangani kegiatan penipuan melibatkan pengimbasan atau pemalsuan kad. Namun, kegiatan penipuan kini beralih kepada penipuan melibatkan urus niaga yang tidak memerlukan kad secara fizikal (card-not-present, CNP) yang melibatkan pencurian maklumat kad kredit yang kemudiannya digunakan untuk membuat penipuan pembayaran melalui Internet, surat-menyurat dan telefon (Rajah 5.6). Penipuan CNP mencakupi kira-kira separuh daripada jumlah kerugian penipuan kad kredit pada tahun 2012.

Dengan pelaksanaan kaedah pengesahan yang lebih mantap baru-baru ini terhadap


urus niaga dalam talian oleh semua pengeluar dan pemeroleh, sebahagian besar daripada kejadian penipuan CNP melibatkan urus niaga dengan peniaga e-dagang asing di negara yang masih belum menerima pakai ciri keselamatan tambahan. Dalam kes sedemikian, pemegang kad dan institusi kewangan Malaysia dilindungi daripada kerugian kerana amaun yang dikaitkan dengan urus niaga penipuan tersebut boleh diperoleh semula daripada pemeroleh asing. Amalan ini, yang dikenali sebagai 'caj balik' ('chargeback'), menghendaki pihak yang masih belum melaksanakan ciri keselamatan yang disarankan untuk menyerap sebarang kerugian akibat urus niaga penipuan. Langkah ini adalah untuk menggalakkan penggunaan langkah keselamatan yang lebih luas untuk membanteras penipuan. Jenis penipuan kad kredit lain yang menunjukkan trend semakin meningkat melibatkan kad yang hilang dan dicuri, dan penggunaan kad Malaysia yang dipalsukan di negara-negara yang belum menerima pakai piawaian cip EMV (Europay, MasterCard dan Visa). Walau bagaimanapun, memandangkan Malaysia telah berpindah kepada infrastruktur kad kredit yang mematuhi EMV sepenuhnya, pemegang kad dan pengeluar kad Malaysia juga dilindungi oleh mekanisme caj balik daripada kerugian bagi jenis penipuan sebegini.

Trend yang sama diperhatikan bagi penipuan yang melibatkan kad debit dan kad caj, yang secara relatif masih kekal rendah. Kerugian akibat penipuan sebahagian besarnya dikaitkan dengan penipuan CNP yang mencakupi kira-kira 80% daripada jumlah kerugian melibatkan instrumen pembayaran tersebut. Bank akan menghendaki pengeluar dan pemeroleh pembayaran kad debit dan kad caj untuk mempertingkat langkah keselamatan instrumen ini kepada piawaian yang sama seperti yang dilaksanakan bagi kad kredit, khususnya kerana terdapat peningkatan berterusan dalam penggunaan instrumen sebegini untuk membuat pembayaran.

Berbanding dengan instrumen pembayaran lain, kerugian purata daripada penipuan cek secara relatifnya lebih tinggi, dengan insiden kerugian purata sebanyak RM3,430 dalam lima tahun kebelakangan ini berbanding RM498 bagi penipuan kad kredit dan RM191 bagi penipuan wang elektronik. Bentuk penipuan cek yang paling lazim ialah pemalsuan dan kecurian cek yang mencakupi lebih 80% daripada jumlah kejadian penipuan. Walaupun bilangan

Rajah 5.7

Penipuan Cek, % daripada Jumlah Urus Niaga



Sumber: Bank Negara Malaysia

percubaan penipuan cek semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kerugian sebenar yang dialami telah menurun disebabkan langkah berwaspada yang terus diambil oleh pihak industri selain penguatkuasaan oleh agensi penguatkuasa undang-undang dalam membanteras penipuan cek (Rajah 5.7).


TREND PEMBAYARAN

Penggunaan e-pembayaran terus berkembang manakala penggunaan wang tunai dan cek pula menurun berbanding kaedah pembayaran yang lain. Hampir 90% daripada 1.8 bilion pembayaran bukan wang tunai (termasuk cek) yang berjumlah RM17.1 trilion, kini dibuat menerusi kaedah elektronik berbanding 52.6% sedekad yang lalu (Rajah 5.8). Secara purata, bilangan urus niaga e-pembayaran per kapita terus bertambah daripada 49 pada tahun 2011 kepada 56 pada tahun 2012. Kenaikan ini disebabkan terutamanya oleh peningkatan penggunaan wang elektronik, kad debit, perbankan Internet, IBG dan ATM lantas meneruskan trend yang dilihat sejak tahun 2002 (Rajah 5.9).

Wang elektronik, yang digunakan terutamanya dalam sektor pengangkutan, terus menjadi instrumen e-pembayaran yang paling kerap digunakan, mencakupi tiga daripada setiap lima urus niaga e-pembayaran pada tahun 2012. Sebanyak 925 juta urus niaga yang bernilai RM4.7 bilion dicatat pada tahun 2012, iaitu pertumbuhan sebanyak 14.7% dan 22.6% masing-masing dari segi jumlah bilangan dan jumlah nilai urus niaga. Melalui usaha Kerajaan untuk menambah baik sistem tiket pengangkutan awam, dan dengan bertambah ramai rakyat Malaysia menikmati kepantasan dan

Rajah 5.8

Bahagian Pembayaran Bukan Tunai Mengikut Bilangan




Sumber: Bank Negara Malaysia

kemudahan pembayaran tanpa sentuhan bagi lebuh raya bertol dan pengangkutan awam, pertambahan urus niaga wang elektronik dijangka mengekalkan kadar pertumbuhan dua angkanya pada tahun-tahun yang akan datang.

Jumlah pembelian menggunakan kad pembayaran bertambah sebanyak 5.5% kepada 365 juta pada tahun 2012, mencerminkan pertambahan bilangan kad yang dikeluarkan dan juga perpindahan berterusan dari penggunaan wang tunai. Meskipun kad kredit masih mencakupi sebahagian besar daripada jumlah urus niaga, bahagiannya menurun daripada 94% pada tahun 2007 kepada 89% pada tahun 2012, ekoran peningkatan yang sama banyak dalam penggunaan kad debit. Tiga juta pembelian menggunakan kad debit dibuat setiap bulan pada tahun 2012 berbanding kurang daripada 0.8 juta pembelian pada tahun 2007. Nilai urus niaga purata kad debit juga meningkat sejak beberapa tahun ini, mencerminkan keyakinan pengguna yang lebih tinggi terhadap penggunaan kad debit untuk urus niaga yang nilainya lebih tinggi. Pada tahun 2012, amaun purata yang dibelanjakan bagi setiap urus niaga kad debit ialah RM240 berbanding dengan RM290 untuk kad kredit. Peningkatan dalam kad pembayaran juga disebabkan bertambahnya bilangan terminal Pindahan Dana Elektronik Semasa Jualan (Electronic Funds Transfer at Point of Sale, EFTPOS). Lebih 17,500 terminal disediakan pada tahun 2012 lantas menjadikan jumlah terminal kepada 276,304 pada akhir tahun 2012. Daripada jumlah ini, 80% menerima kad pembayaran jenama antarabangsa, 57% menerima kad debit domestik dan 11% menerima wang elektronik.

Rajah 5.9

Pembayaran Bukan Tunai per Kapita



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan tiga sistem pindahan dana elektronik runcit utama, iaitu IBG, Debit Langsung dan FPX terus mencatat pertumbuhan yang menggalakkan. Lebih 70 juta urus niaga berjumlah RM221 bilion disalurkan menerusi ketiga-tiga sistem tersebut, iaitu peningkatan tahunan sebanyak 16.8% dari segi jumlah bilangan, dan 28.6% dari segi jumlah nilai urus niaga. Jumlah nilai urus niaga yang diproses melalui sistem IBG yang mempunyai rangkaian paling luas, iaitu 39 bank ahli, telah meningkat lebih sekali ganda dalam lima tahun yang lalu untuk mencakupi 22.6% daripada KDNK pada tahun 2012 berbanding dengan 10.1% pada tahun 2007. Pertumbuhan yang ketara ini disebabkan terutamanya oleh penggunaan IBG yang lebih meluas untuk bayaran gaji oleh syarikat, bayaran balik cukai secara elektronik oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta penyediaan perkhidmatan dalam talian tambahan oleh Kerajaan, contohnya seperti penerimaan bayaran kepada Mahkamah Persekutuan Malaysia

untuk penyerahan kes mahkamah menerusi sistem pemfailan dalam taliannya.


Sektor isi rumah dan perniagaan Malaysia melaksanakan 280 juta urus niaga kewangan menerusi saluran e-pembayaran pada tahun 2012, dan urus niaga tersebut terdiri terutamanya daripada pindahan dana, pembayaran bil, tambah nilai kad prabayar, pembelian kad telefon dan pelaburan dalam pasaran ekuiti. Perbankan Internet kekal sebagai saluran pembayaran dalam talian pilihan ramai dan menyumbang sebanyak 81% daripada jumlah bilangan urus niaga menerusi saluran e-pembayaran, diikuti ATM (17%) dan perbankan mudah alih (3%).

Bilangan urus niaga kewangan yang dijalankan menerusi perbankan Internet meningkat sebanyak 16.3% pada tahun 2012 kepada 226 juta pembayaran, disokong oleh penyertaan bank yang lebih meluas untuk memudahkan pembayaran kepada badan berkanun serta pertambahan dalam bilangan isi rumah yang mempunyai akses kepada Internet. Bilangan pelanggan perbankan Internet individu yang aktif meningkat sebanyak 24% kepada 5.7 juta pada tahun 2012. Nilai urus niaga perbankan Internet ini mencatat pertumbuhan yang memberangsangkan sehingga mencecah RM2.8 trilion pada tahun 2012, daripada RM418 bilion pada tahun 2007. Dua faktor utama di sebalik pertumbuhan ini ialah pertambahan yang lebih besar dalam bilangan perniagaan yang mengkreditkan bayaran gaji terus ke dalam akaun bank dan pertambahan pindahan dalam talian bagi caruman kepada pertubuhan keselamatan sosial.

Institusi perbankan terus meningkatkan penyediaan perkhidmatan ATM untuk menggantikan perkhidmatan di kaunter. Pada tahun 2012, sebanyak 46 juta urus niaga bernilai RM41 bilion telah dikendalikan menerusi ATM, iaitu peningkatan tahunan sebanyak 10.3% dari segi jumlah bilangan dan 9.8% dari segi jumlah nilai. Penggunaan perbankan mudah alih juga meningkat pada tahun 2012, dan mencakupi 7.1 juta urus niaga bernilai sebanyak RM4.2 bilion apabila lebih banyak bank menambah baik perkhidmatan perbankan mudah alih mereka untuk mengambil peluang daripada peningkatan berterusan dalam penggunaan telefon pintar dan memenuhi permintaan pengguna yang ingin membuat urusan perbankan mereka pada bila-bila masa (banking on the go).

Rajah 5.10

Nilai Pengeluaran Wang Tunai dan Penggunaan Swasta



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kaedah pembayaran secara elektronik yang lebih cekap terus menggantikan penggunaan cek. Jumlah bilangan cek menurun kepada kurang daripada tujuh keping per kapita pada tahun 2012, dengan jumlah bilangan cek yang dijelaskan lebih rendah pada 204 juta (2011: 205 juta) dan pengurangan penggunaan cek berlaku dalam semua segmen pelanggan. LHDN, khususnya, telah melaksanakan 2.6 juta urus niaga bayaran balik cukai melalui saluran e-pembayaran, iaitu hampir 60% daripada jumlah bilangan transaksi bayaran balik cukai.

Wang tunai dalam edaran (cash-in-circulation, CIC), iaitu proksi bagi penggunaan wang tunai, meningkat sebanyak 7.3% daripada RM53.5 bilion pada tahun 2011 kepada RM57.4 bilion pada tahun 2012. Pertumbuhan CIC, bagaimanapun, mengekori trend perbelanjaan penggunaan, mencerminkan perpindahan berterusan kepada kaedah pembayaran bukan tunai yang semakin kerap digunakan untuk menggantikan wang tunai. Jumlah pengeluaran wang tunai di ATM juga meningkat pada kadar yang lebih perlahan berbanding penggunaan swasta pada 5.2%, yang secara amnya sejajar dengan trend yang dilihat dua tahun yang lalu (Rajah 5.10).

MENGGALAKKAN PERKHIDMATAN PEMBAYARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

Banyak usaha dan sumber telah ditumpukan oleh Bank dan pihak industri dalam dekad yang lalu untuk membangunkan sistem pembayaran yang serba cekap bagi menyediakan perkhidmatan pantas, selamat, mudah dan menjimatkan. Meskipun perpindahan daripada pembayaran

berasaskan kertas kepada kaedah pembayaran secara elektronik berlaku secara beransur-ansur, peningkatan yang ketara dalam penggunaan kaedah pembayaran secara elektronik telah dilihat sejak dua tahun yang lalu. Ini mencerminkan usaha berterusan Bank untuk terus meluaskan akses, menambah baik sistem penyampaian, dan mempertingkat fungsi perkhidmatan pembayaran, termasuk langkah mengatasi rintangan kepada transformasi landskap pembayaran kebangsaan yang dikehendaki di Malaysia.

Akses yang lebih luas kepada perkhidmatan pembayaran

Bank terus menjalin kerjasama yang lebih erat dengan pihak industri untuk terus menambah baik akses kepada perkhidmatan pembayaran. Ini termasuk inisiatif untuk meningkatkan akses kepada sistem RENTAS menerusi saluran elektronik, memperluas infrastruktur kad pembayaran agar meliputi peniaga kecil-kecilan serta memanfaatkan saluran mudah alih untuk memperluas jangkauan dan menggalakkan sektor kewangan yang lebih inklusif.

Bank terus menumpukan usaha untuk meluaskan akses, menambah baik sistem penyampaian, dan mempertingkat fungsi perkhidmatan pembayaran

Akses kepada RENTAS

Hampir kesemua institusi perbankan menawarkan kemudahan pembayaran RENTAS menerusi perbankan Internet kepada sektor perniagaan bagi meningkatkan kecekapan dalam urusan pembayaran oleh syarikat. Kemudahan ini menyumbang kepada pencapaian tahap automasi yang lebih tinggi untuk operasi perbendaharaan syarikat kerana pembayaran boleh dikendalikan secara elektronik berbanding dengan perkhidmatan faksimile atau perkhidmatan di kaunter.

Infrastruktur kad pembayaran yang lebih luas

Usaha untuk mewujudkan lebih banyak terminal EFTPOS untuk meningkatkan kemudahan pembayaran dan mendorong pemindahan daripada penggunaan wang tunai kepada kad diteruskan pada tahun 2012. Pada tahun 2012, Bank bekerjasama dengan Multimedia Development Corporation dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corporation Malaysia) untuk membolehkan 1.1 juta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro untuk menerima pakai kemudahan kad pembayaran menjelang tahun 2020 di bawah inisiatif 'Membolehkan Khidmat e-Pembayaran bagi PKS dan Perusahaan Mikro' dalam Pelan Induk Digital Malaysia.

Jangkauan menerusi saluran mudah alih


Perkhidmatan MyMobile, iaitu platform ekosistem mudah alih kebangsaan yang dikendalikan oleh MyClear, mula dilancarkan pada bulan Februari 2012, secara usaha sama dengan tiga bank dan dua pengendali rangkaian mudah alih. Pengendali rangkaian mudah alih utama yang ketiga telah menyertai platform ini pada bulan Jun 2012, lantas meliputi lebih daripada 90% pelanggan telefon mudah alih di Malaysia. Pelanggan-pelanggan ini boleh mendaftarkan diri untuk menggunakan perkhidmatan MyMobile dengan tiga bank terlibat bagi menikmati akses dengan lebih senang dan mudah untuk perkhidmatan perbankan dan pembayaran. Pelanggan berdaftar boleh melihat rekod urus niaga mereka yang lalu, membuat pertanyaan baki, dan tambah nilai prabayar telefon mudah alih, pindahan dana, bayaran bil serta pembayaran balik kad kredit menerusi telefon mudah alih mereka. Perkhidmatan pembayaran baharu telah ditambah kepada rangkaian perkhidmatan MyMobile secara progresif, termasuk bayaran cukai taksiran kepada pihak berkuasa tempatan dan penyimpanan deposit tabungan dengan Skim Simpanan Pendidikan Negara (SSPN) yang diurus oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) (Rajah 5.11).

Kepantasan perkhidmatan pembayaran

Industri perbankan terus mengambil langkah untuk meningkatkan kepantasan pindahan dana antara bank bagi membolehkan orang perseorangan dan sektor perniagaan mengurus dan mengoptimumkan aliran tunai mereka dengan lebih berkesan. Setelah mencapai ketersediaan dana hari yang sama untuk pembayaran IBG kepada akaun bank pada tahun 2011, usaha telah dijuruskan ke arah meningkatkan kecekapan pembayaran pihak ketiga menerusi RENTAS. Pada bulan Ogos 2012, Bank memperkenalkan peraturan yang membolehkan dana ini disediakan untuk benefisiari dalam masa satu jam selepas pembayaran dibuat. Usaha juga sedang dijalankan untuk membolehkan dana masuk pada hari yang sama bagi bayaran balik kad kredit dan pinjaman

Rajah 5.11

Bahagian Aktiviti MyMobile Mengikut Bilangan



Sumber: Bank Negara Malaysia

oleh pelanggan menerusi sistem IBG dan untuk mengkaji semula perkhidmatan debit langsung antara bank untuk menawarkan penyelesaian hari yang sama bagi pembayaran balik berulang seperti caruman premium insurans.

Jaminan pembayaran kepada benefisiari yang sebenar

Bank, dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Negara dan Persatuan Bank-bank dalam Malaysia (Association of Banks in Malaysia, ABM), memudahkan usaha oleh institusi kewangan untuk mengemas kini butiran pengenalan pemegang akaun bank yang telah berada dalam simpanan mereka sebelum pelaksanaan sistem MyKad. Pengemaskinian butiran pengenalan pemegang akaun bank diperlukan oleh institusi perbankan untuk mengesahkan butiran pengenalan penerima dana di samping nombor akaun bank penerima dana sebelum mengkreditkan dana. Pengesahan tambahan ini diuruskan oleh bank atas permintaan pembayar dan sering digunakan untuk pembayaran jumlah yang besar yang memerlukan jaminan lebih tinggi supaya bayaran sampai kepada penerima yang sebenar, seperti bayaran bantuan sosial oleh agensi Kerajaan dan pembayaran perniagaan. Langkah ini sebahagian besarnya telah pun lengkap dan akan mengurangkan kejadian bayaran ditolak apabila terdapat perbezaan nombor kad pengenalan baharu yang diberi oleh pembayar dengan nombor kad pengenalan lama yang terdapat dalam rekod institusi kewangan penerima.

Pengenalpastian dan penyelarasan pembayaran yang lebih baik

Usaha juga sedang dijalankan untuk menambah baik maklumat rujukan pembayaran dalam urus niaga e-pembayaran untuk memudahkan penyelarasan urus niaga pembayaran dengan lebih cekap oleh orang perseorangan dan sektor perniagaan. Sebagai pengendali sistem pembayaran runcit utama, MyClear telah mengadakan perbincangan dengan ABM dan institusi kewangan untuk membangunkan rangka kerja untuk piawaian rujukan pembayaran yang akan membolehkan pembayar menandakan pembayaran dengan butiran urus niaga bagi membolehkan penerima mudah mengenal pasti sumber dan tujuan pembayaran. Penambahbaikan terhadap infrastruktur perbankan elektronik akan dilaksanakan oleh industri perbankan secara berperingkat, bermula dengan transaksi pembayaran perbankan melalui Internet, disusuli secara progresif oleh sistem pengurusan wang tunai, urus niaga di kaunter dan perbankan telefon. Fasa pertama dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2013, dan akan membolehkan perkhidmatan IBG dilengkapi penerangan ringkas pembayaran yang dibuat. Dalam fasa seterusnya, kajian akan dibuat mengenai penggunaan piawaian antarabangsa seperti ISO 20022 untuk membolehkan maklumat invois dan maklumat pengiriman yang menyeluruh dimasukkan.

Struktur insentif untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran

Meskipun pilihan dan kecekapan dalam e-pembayaran telah meningkat, usaha untuk menggalakkan penggunaan kaedah e-pembayaran yang lebih cekap terbukti mencabar, di mana sebahagiannya adalah disebabkan oleh harga relatif pembayaran berasaskan kertas dan e-pembayaran. Untuk menangani herotan harga dan merangsang perubahan dalam cara pembayaran, Bank telah merumuskan satu rangka kerja pembaharuan harga selepas perbincangan yang meluas dengan institusi kewangan dan MyClear. Rangka kerja ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa. Pada fasa pertama, fi urus niaga untuk perkhidmatan IBG yang dikendalikan secara elektronik menerusi perbankan Internet dan perbankan mudah alih yang pada masa

ini dikenakan fi sebanyak RM2, akan dikurangkan, manakala fi baharu akan diperkenalkan bagi cek. Pelaksanaan struktur penentuan harga yang baharu ini akan diselaraskan dengan teliti melalui pengenalan rangka kerja rujukan pembayaran pada tahun 2013, dan kenaikan dalam had urus niaga perbankan dalam talian untuk memudahkan e-pembayaran dalam nilai yang tinggi serta penyertaan lebih meluas institusi perbankan dalam sistem pembayaran runcit utama seperti IBG, FPX dan Debit Langsung untuk memastikan akses yang lebih meluas kepada kemudahan e-pembayaran. Pada fasa kedua, melalui penyediaan perkhidmatan e-pembayaran yang lebih cekap, harga cek akan dinaikkan berdasarkan kos asas sebenar yang berkaitan dengan bayaran cek.

Bagi menggalakkan penggunaan kaedah e-pembayaran yang lebih cekap, rangka kerja pembaharuan harga akan dilaksanakan, di mana pada fasa pertama, fi urus niaga untuk perkhidmatan IBG secara elektronik akan dikurangkan, manakala fi baharu akan diperkenalkan bagi cek

Pada fasa terakhir, harga perkhidmatan pembayaran akan ditentukan terus oleh institusi kewangan berdasarkan struktur kos masing-masing. Meskipun usaha menangani herotan harga yang sedia ada adalah penting untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran bagi menggalakkan kecekapan ekonomi yang lebih tinggi, sama pentingnya ialah strategi dan inisiatif industri perbankan yang sejajar dalam pembentukan pilihan pembayaran yang dikehendaki, serta memudahkan peralihan yang lancar kepada perkhidmatan e-pembayaran yang lebih cekap dan berkesan dari segi kos.

Memacu e-pembayaran dalam sektor utama

Semenjak beberapa tahun yang lalu, Bank telah bekerjasama rapat dengan beberapa sektor utama ekonomi untuk merangsang peningkatan dalam penggunaan e-pembayaran. Kesemua sektor tersebut mempunyai aliran urus niaga pembayaran yang tinggi lantas perpindahan daripada cek kepada e-pembayaran akan menghasilkan perolehan kecekapan yang ketara kepada ekonomi keseluruhannya (Jadual 5.1).

Melangkah ke hadapan

Malaysia masih jauh daripada mencapai sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (Rajah 5.12). Cek ternyata masih popular dan terus digunakan secara meluas untuk pembayaran walaupun lebih banyak kaedah e-pembayaran yang lebih mudah sedang diperkenalkan di pasaran. Penggunaan kad debit juga masih rendah, sementara usaha untuk mewujudkan lebih banyak terminal EFTPOS kepada peniaga kecil-kecilan menjadi semakin mencabar memandangkan orang ramai lebih suka menggunakan wang tunai.

Bank dan pihak industri akan memulakan langkah secara progresif untuk meningkatkan momentum yang telah dicapai setakat ini dan menggiatkan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan menjelang tahun 2020. Inisiatif utama yang akan dilaksanakan pada tahun 2013 ialah:

- Pelaksanaan rangka kerja penentuan harga baharu untuk perkhidmatan pembayaran bagi menggalakkan penggunaan perkhidmatan pembayaran yang lebih cekap dari segi kos;
- Pengenalan produk perbankan yang menggalakkan penggunaan e-pembayaran berbanding dengan pembayaran berasaskan kertas;
- Ketelusan institusi perbankan yang lebih tinggi berhubung caj perbankan dalam talian untuk perusahaan kecil dan sederhana;
- Penzahiran rujukan pembayaran yang ringkas dan identiti pengirim untuk IBG dan pindahan dana intrabank yang dikendalikan menerusi saluran elektronik untuk memudahkan penyelarasan pembayaran;
- Fleksibiliti yang lebih tinggi kepada pelanggan untuk menentukan had pindahan dana menerusi saluran perbankan Internet untuk lebih memudahkan proses pembayaran;
- Pertambahan bilangan bank dalam perkhidmatan MyMobile untuk meluaskan jangkauan pembayaran;
- Pembangunan Skim Pembayaran Bil Kebangsaan yang akan membolehkan pelanggan bank membuat pembayaran kepada rangkaian pengeluar bil daripada mana-mana bank untuk menambah baik kemudahan pembayaran bil; dan
- Keperluan terhadap institusi perbankan, syarikat insurans, pengendali takaful dan pengeluar kad bukan bank untuk memindahkan semua pembayaran mereka sendiri kepada e-pembayaran.


Jadual 5.1

Inisiatif Kerjasama E-Pembayaran dalam Sektor Utama

Sektor	Inisiatif	Penggunaan
Kerajaan *Penggunaan e-pembayaran untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan awam*	• Perbincangan aktif yang berterusan dengan Kerajaan, industri perbankan dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menyokong pelaksanaan e-pembayaran awam • Platform MyMobile digerakkan sebagai satu lagi medium pembayaran kepada Kerajaan • Pelancaran Sistem Taksiran dan Pembayaran Duti Setem (Stamp Assessment and Payment System, STAMPS) pada 1 November 2012 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk sektor perniagaan membuat pembayaran duti setem secara dalam talian	• 250 agensi menawarkan 551 perkhidmatan pembayaran dalam talian (2011: 236 agensi; 449 perkhidmatan) • 155 agensi menawarkan FPX: 655,765 urus niaga bernilai sebanyak RM193.8 juta (2011: 333,771 urus niaga bernilai sebanyak RM120.9 juta) • 1.9 juta urus niaga kad pembayaran bernilai sebanyak RM1.1 bilion (2011: 1.7 juta urus niaga bernilai sebanyak RM1 bilion)
Pasaran Modal *Menyediakan infrastruktur e-pembayaran yang menyeluruh bagi pasaran modal*	Kerjasama antara Bank dengan Suruhanjaya Sekuriti diluaskan dengan inisiatif baharu yang dilaksanakan pada tahun 2012: • Bursa Malaysia meluaskan kemudahan e-Dividen untuk merangkumi pembayaran kadar faedah atau keuntungan sekuriti hutang atau sukuk, pengagihan pendapatan oleh Amanah Pelaburan Harta Tanah (Real Estate Investment Trusts, REIT) atau Dana Dagang Pertukaran (Exchange Traded Funds, ETF) serta pembayaran balik modal • Lebih banyak syarikat amanah saham menawarkan pengkreditan secara langsung bagi pengagihan pendapatan dan penebusan • Membolehkan pelaburan amanah saham menerusi saluran perbankan Internet untuk lebih memudahkan pelabur • e-langganan perintis untuk terbitan hak pada awal tahun 2013	Bahagian penggunaan e-pembayaran dari segi jumlah bilangan: • e-IPO untuk langganan elektronik bagi terbitan saham baharu: 81% • e-Saham untuk penyelesaian perdagangan ekuiti: 35% • e-Dividen untuk pembayaran dividen: 68%
Sektor Kewangan *Memindahkan pembayaran dalaman dan menggalakkan pelanggan menggunakan saluran elektronik*	**Institusi perbankan** • Memperkenalkan produk akaun bank yang menarik yang menggalakkan urus niaga dalam talian • Kempen kesedaran secara berterusan mengenai manfaat e-pembayaran • Menaikkan had urus niaga dalam talian untuk menyokong pindahan dana yang bernilai tinggi melalui perbankan dalam talian daripada RM5,000 secara purata kepada RM10,000 setiap hari	• Cek yang dikeluarkan oleh bank dan pelanggan mereka pada tahun 2012 menurun sebanyak 1,124,011 keping • Sebanyak 12 atau 44% daripada bank yang mempunyai kemudahan perbankan Internet telah menaikkan had pindahan dana mereka kepada sekurang-kurangnya RM10,000 dengan kawalan risiko yang wajar disediakan
	Syarikat insurans • Penanggung insurans am menunjukkan komitmen yang lebih tinggi untuk memindahkan pembayaran dalaman seperti bayaran kepada ejen, kakitangan, penanggung insurans semula dan badan berkanun kepada e-pembayaran • Semua penanggung insurans dan pengendali takaful telah membuat komitmen untuk menawarkan e-pembayaran sebagai pilihan kepada pemegang polisi dan benefisiari. Inisiatif ini dilaksanakan secara progresif di seluruh industri pada tahun 2013	• 70% daripada bayaran premium untuk insurans hayat dibayar menerusi pelbagai kaedah e-pembayaran seperti kad kredit, debit secara automatik daripada akaun bank atau kad kredit, perbankan Internet, perbankan mudah alih dan ATM
	Pengeluar kad bukan bank • Bank mengadakan perbincangan dengan pengeluar kad bukan bank untuk menggunakan e-pembayaran untuk membuat penyelesaian kepada peniaga dan pembayaran balik kepada pelanggan	
Sektor Pengangkutan *Menggalakkan penggunaan kad pembayaran untuk kemudahan yang lebih baik*	Bank bekerjasama dengan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Performance Management and Delivery Unit, PEMANDU), Kementerian Pengangkutan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (Land Public Transport Commission, SPAD), Touch 'n Go Sdn. Bhd. dan pengendali transit untuk melaksanakan Sistem Pembayaran Tanpa Wang Tunai Bersepadu (Integrated Cashless Payment System, ICPS) agar terus dapat meningkatkan penggunaan kad pembayaran dalam sektor pengangkutan iaitu daripada kadar penembusan semasa 20% pada tahun 2012. Inisiatif ini sejajar dengan pelaksanaan Sistem Tiket Pintar Bersepadu di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara 'Menambah Baik Pengangkutan Awam Bandar' dalam Program Transformasi Kerajaan untuk memudahkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan yang lancar merentas pelbagai pengendali transit	Ini berpotensi memindahkan kira-kira 340,000 urus niaga tunai kepada e-pembayaran setiap hari

Rajah 5.12

Penunjuk Prestasi Utama



r Ramalan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara bersama, inisiatif ini dijangka membawa kesan yang mendalam untuk mendorong perubahan sikap terhadap cara pembayaran. Adalah diakui bahawa masa yang lama diperlukan untuk mengubah tabiat cara pembayaran, namun usaha bersungguh-sungguh yang diambil dijangka menjana hasil yang diharapkan dengan titik perubahan (inflection points) dalam pertumbuhan urus niaga e-pembayaran pada masa hadapan.

MENINGKATKAN KERJASAMA SERANTAU DALAM PERKHIDMATAN PEMBAYARAN MERENTAS SEMPADAN

Kerjasama untuk meningkatkan perkhidmatan pembayaran merentas sempadan antara negara ASEAN diteruskan melalui Jawatankuasa Kerja Sistem Pembayaran dan Penyelesaian ASEAN. Jawatankuasa ini mempunyai peranan utama untuk menyelaraskan inisiatif bagi mencapai sasaran utama yang telah diluluskan oleh Gabenor Bank-bank Pusat ASEAN, dengan matlamat untuk meningkatkan kecekapan dan kemampuan penyelesaian perdagangan dan sekuriti serta pembayaran runcit dan kiriman wang merentas sempadan, sambil menggalakkan penetapan piawaian pembayaran merentas sempadan yang lebih baik. Antara keutamaan dalam masa terdekat ini ialah perumusan prinsip mengenai ketelusan dan penzahiran produk bagi penyelesaian perdagangan, penetapan piawaian pengendalian berhubung program orientasi sebelum berlepas ke negara asing bagi pekerja penghijrah oleh negara pengeksport pekerja untuk menggalakkan penggunaan saluran formal bagi kiriman wang, dan menjalankan kajian kebolehlaksanaan berhubung penggunaan piawaian antarabangsa untuk pembayaran merentas sempadan. Kerja-kerja telah pun dimulakan untuk mengkaji kebolehlaksanaan pengenalan skim kad debit merentas sempadan ASEAN untuk menyokong pembelian runcit yang lebih mudah dan cekap dari segi kos. Pada tahun 2012, Jawatankuasa ini juga menjalin hubungan dengan Rangkaian Pembayaran Asia (Asian Payment Network) untuk meluaskan pautan pembayaran runcit merentas sempadan dan dengan Bursa Pertukaran ASEAN (ASEAN Exchanges) untuk memudahkan penyelesaian urus niaga pasaran modal yang dijalankan menerusi pautan perdagangan ASEAN.